

PM jelaskan penyasaran subsidi RON95 tak berbangkit ketika ini

Kerajaan fokus beri penjelasan pelaksanaan rasionalisasi harga diesel

Oleh Alzahrin Alias dan Hazwan Faisal Mohamad
bhbiz@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan, pelaksanaan penyasaran subsidi membabitkan petrol RON95 tidak berbangkit ketika ini.

Perdana Menteri berkata, ke-

rajaan sebaliknya mahu memberi tumpuan dalam memberi penjelasan mengenai rasionalisasi subsidi diesel kepada rakyat terlebih dahulu.

“(Rasionalisasi subsidi RON95) tidak berbangkit lagi, kita mahu uruskan dengan diesel, beri kefahaman betul, sebab kadang-kadang (ia) dipusingkan.

“Saya beritahu, kalau betul-betul ada masalah dengan diesel beritahu (kerajaan), (kita) tidak mahu bebankan rakyat tetapi kalau tak buat, hasil tak bertambah, hutang tak bertambah,” katanya kepada selepas merasmikan Persidangan Cukai Kebangsaan 2024 di Kuala Lumpur, semalam.

Anwar berkata, pelaksanaan rasionalisasi subsidi juga adalah

antara usaha dan inisiatif komprehensif dilakukan kerajaan untuk merangkumi spektrum lebih meluas bagi membantu mengurangkan pinjaman tahunan kerajaan.

Baru-baru ini, Kementerian Ekonomi berkata, mekanisme penyasaran subsidi RON95 akan menggunakan sepenuhnya data Pangkalan Data Utama (PADU), manakala penentuan kumpulan sasaran ditentukan berdasarkan pendapatan boleh guna bersih isi rumah.

Menurut kementerian itu, sistem PADU adalah repositori data individu dan isi rumah warga negara serta pemastautin tetap yang berada di Malaysia.

Setakat 31 Mac 2024, seramai 10.55 juta individu sudah mengemas kini maklumat dalam sistem PADU.

“Ketika ini, sistem berkenaan berada dalam Fasa 2, penganalisisan data yang melibatkan proses penentuan isi rumah, perbelanjaan asas kehidupan wajar dan pendapatan boleh guna bersih,” kata kementerian itu dalam jawapan bertulis yang disiarkan menerusi laman sesawang Parlimen.

Harga diesel di semua stesen runcit Semenanjung ditetapkan pada kadar RM3.35 bagi setiap liter iaitu harga pasaran tanpa subsidi bermula 12.01 tengah malam 10 Jun lalu.

Itu adalah harga pasaran tanpa subsidi berdasarkan purata bu-



lan Mei 2024 mengikut formula Automatic Pricing Mechanism.

Penetapan harga dan pelaksanaan subsidi diesel secara bersasar, dapat memberikan penjimatan sebanyak RM4 bilion setahun di samping dapat mengukuhkan kedudukan kewangan negara untuk jangka masa panjang.